



جَابَتْنَ مَفْتِنَةً كَيْفَيَّةً  
لِلْمُهَاجِرِ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 09/2024



## BAHAYA FITNAH

**27 SEPTEMBER 2024 / 23 RABIULAWAL 1446H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati oleh-Nya di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Sejak kebelakangan ini, gejala fitnah dalam masyarakat semakin berleluasa. Apatah lagi dengan perkembangan dunia internet dan kemunculan media sosial, manusia semakin lalai untuk mentaati perintah Allah Subhanahu wa Taala. Fitnah boleh diertikan sebagai kekufuran, ujian, kerosakan dan kacau bilau. Dalam Kamus Dewan, fitnah bermaksud tuduhan yang diada-adakan untuk memburukkan atau membencanakan seseorang.

Antara perkara yang menyebabkan berleluasanya fitnah, ialah sikap bersangka buruk, gemar mencari keburukan, dan suka mengejek orang. Ada setengah manusia yang hidupnya tidak akan senang, sehinggalah dia dapat menghidu keburukan orang lain. Lalu aib itu akan dikorek lagi, sebelum disebarkan. Ingatlah firman Allah Taala surah Al-Baqarah ayat 191:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَالْفِتْنَةِ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ

**Yang bermaksud:** “Dan Ingatlah bahawa angkara fitnah itu lebih besar bahayanya daripada membunuh”.



Ayat ini menjelaskan al fitnah yang membentuk syirik adalah lebih besar dosanya daripada pembunuhan kerana ia seolah-olah berbentuk sebagai pembunuhan maknawi. Selain dari syirik, fitnah juga boleh dikatakan sebagai tuduhan yang diada-adakan untuk memburukkan atau membencanakan seseorang dan ia adalah salah satu daripada dosa-dosa besar. Malangnya sebahagian daripada kita terlibat dan mempercayai fitnah.

Malah ada pula segelintir kita yang merasa gembira apabila mendengar musibah yang menimpa orang lain, lalu menokok tambah cerita dan fitnah agar lebih sensasi dan tular. Lebih malang, dalam media sosial, ada ‘group whatsapp’ dan lain-lain yang dibuat semata-mata untuk menyebarkan fitnah, walaupun sesuatu isu masih di peringkat siasatan, pertuduhan, termasuklah yang telah dijatuhi hukuman bersalah. Ada juga kumpulan tertentu yang sanggup mengupah ‘tentera siber’ demi menyebarkan fitnah dalam media sosial. Tidak hairanlah kes pembulian siber semakin menjadi-jadi hingga ada yang tertekan, dipulaukan masyarakat, keluarga bercerai-berai, dan lebih dahsyat hingga membunuh diri.



Ingatlah, bahawa apa sahaja yang kita ungkapkan, baik secara lisan, atau tulisan, seperti mengumpat dan rasa seronok memfitnah orang lain, semuanya dicatat dan akan diadili oleh Allah Taala. Firman Allah Taala dalam surah Qaf ayat 18:

﴿مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ﴾

**Yang bermaksud:** *Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat Raqib dan Atid (malaikat pengawas yang sentiasa mencatat segala amalannya).*

### **Sidang Jumaat yang diberkati Allah Ta’ala,**

Marilah kita berazam untuk mengelakkan diri daripada menjadi penyebar fitnah, kerana perbuatan ini boleh memecahbelahkan masyarakat, menimbulkan permusuhan dan akhirnya melemahkan ummah. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis riwayat Imam Muslim:

كَفَىٰ بِالْمُرْءِ إِثْمًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

**Yang bermaksud:** “Cukuplah seseorang dikatakan pendusta apabila dia menyampaikan apa sahaja yang didengarinya”.



Al-Quran memberikan panduan bagaimana untuk menjaga akhlak dalam perkara ini. Antaranya ialah mengelakkan sikap terburu-buru serta mudah mempercayai dan menyebarkan sebarang berita yang baru diperolehi, apatah lagi ingin menjadi juara dalam penyebaran sesuatu isu. Sepatutnya, siasatlah dahulu kesahihannya dan rujuklah kepada pihak berkenaan. Firman Allah Taala dalam surah al-Hujurat ayat 6 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِّنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوهُ قَوْمًا بِجَهَنَّمِ  
فَتُصِبِّحُوهُ أَعْلَى مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ ﴿٦﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”

Selain itu, Allah Taala juga melarang kita mudah terpengaruh dan mempercayai kumpulan yang kerap membuat dakwaan dan pandangan yang pelik, hingga sanggup bersumpah dan bermubahalah untuk menegakkan benang yang basah. Firman Allah dalam surah al-Qalam ayat 10 hingga 11:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازِ مَسَاعِ بَنَمِيمِ ﴿١١﴾



**Yang bermaksud:** “*Dan janganlah engkau menurut kemahuan orang yang suka bersumpah (bagi tujuan batil), lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya). Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah-belahkan orang ramai)*”.

### **Sidang Jumaat dikasihi sekalian,**

Ingatlah azab yang amat pedih bakal menunggu penyebar fitnah. Pemfitnah mungkin rasa menang dan selamat di dunia, tetapi tunggulah balasan di akhirat kelak. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَامٌ

**Yang bermaksud:** “*Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba).*

Dalam Sahih Ibnu Hibban, diriwayatkan Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda yang bermaksud:



*“Berkata malaikat yang mengiringi Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam*

*“Adapun orang yang diseksa dengan penyangkut besi yang menembusi pipi sehingga ke belakang lehernya dan disangkut lubang hidung sehingga menembusi belakang lehernya dan disangkut mata sehingga menembusi batang lehernya ialah kerana kerjanya sejak pagi menyebarkan pembohongan sehingga ke seluruh ufuk penjuru dunia”*

Kesimpulannya, perbuatan memfitnah adalah suatu dosa besar dan merupakan kezaliman terhadap orang yang difitnah serta boleh memecahbelahkan masyarakat. Fitnah pada zaman ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada berbentuk lisan, tulisan, gambar, video, voicemail dan lain-lain. Maka hendaklah kita berhati-hati dalam menerima fitnah tersebut. Janganlah mudah percaya dan selidiklah maklumat yang diterima. Ingatlah bahawa ancaman dan balasan yang berat daripada Allah Ta’ala terhadap pemfitnah dan orang yang menyambung kata-kata pemfitnah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشْيِعَ الْفَحْشَةَ فِي الَّذِينَ إِمَانُهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ

لَا تَعْلَمُونَ ۝



**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya orang yang suka tersebarnya perkara-perkara yang buruk dan keji dalam kalangan orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ。وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ。وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ